

FAQ DIPLOMA KOLEJ VOKASIONAL

1. Berapa lama tempoh pengajian diploma di Kolej Vokasional?

Tempoh pengajian diploma adalah bilangan semester pengajian berdasarkan struktur pengajian. Tempoh maksimum pengajian program diploma adalah lima tahun dengan kelulusan Senat Kolej Vokasional KPM.

PROGRAM DIPLOMA	TAHUN 1	SEMESTER 1
		SEMESTER 2
	TAHUN 2	SEMESTER 3
		SEMESTER 4
		SEMESTER 5 (OJT)

2. Apakah Struktur Program diploma di Kolej Vokasional?

Struktur Program mengandungi senarai nama kursus, kod kursus, jam kredit, jam pertemuan untuk kuliah/amali/tutorial dalam seminggu. Kursus-kursus bagi setiap semester peringkat DVM diklasifikasikan seperti berikut;

- i. Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU)
- ii. Kursus Wajib Institusi
- iii. Kursus Teras
- iv. Kursus Elektif
- v. *On-The-Job Training* (OJT)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem kredit?

Satu kredit adalah jumlah jam pembelajaran pelajar atau *student learning time* (SLT) yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran yang dikenal pasti untuk sesuatu kursus. Satu kredit bersamaan dengan 40 jam nosional SLT. SLT dikira melalui gabungan pelbagai bentuk aktiviti pembelajaran sama ada secara bersemuka dan tidak bersemuka.

4. Bilakah Takwim Pengajian bagi program diploma di Kolej Vokasional?

Semester 1	
Pembelajaran	14 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu*
Minggu Persediaan	1 minggu*
Penilaian Akhir	2 minggu*
Cuti Semester	3 minggu*
Semester 2	
Pembelajaran	14 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu*
Minggu Persediaan	1 minggu*
Penilaian Akhir	2 minggu*
Cuti Semester	3 minggu*
Semester 3	
Pembelajaran	14 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu*
Minggu Persediaan	1 minggu*
Penilaian Akhir	2 minggu*
Cuti Semester	3 minggu*
Semester 4	
Pembelajaran	14 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu*
Minggu Persediaan	1 minggu*
Penilaian Akhir	2 minggu*
Cuti Semester	3 minggu*
Semester 5	
<i>On the Job Training</i>	24 minggu*

* tertakluk pada perubahan

5. Apakah syarat kelayakan ke program diploma di Kolej Vokasional?

- i. Lulus Sijil Vokasional Malaysia
- ii. Memperoleh sekurang-kurangnya 3 Kepujian dalam mata pelajaran setara SPM termasuk Kepujian Bahasa Melayu 1104 SVM
- iii. Pelajar yang tidak memperoleh Kepujian Bahasa Melayu 1104 SVM atau Bahasa Melayu 1103 SPM boleh melanjutkan pengajian di peringkat DVM dengan mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A.
- iv. Memperoleh sekurang-kurangnya gred C mata pelajaran Matematik di peringkat SVM bagi Program Diploma Teknologi Maklumat dan Program Diploma Perakaunan.
- v. Pelajar yang tidak memperoleh gred C dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SVM, wajib mengambil mata pelajaran Asas Matematik UAM1012 yang ditawarkan dalam semester satu DVM.
- vi. Memperoleh sekurang-kurangnya gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SVM bagi program Perakaunan.

6. Bagaimanakah pendaftaran pengajian dilaksanakan?

Kolej Vokasional akan mengeluarkan surat tawaran kepada pelajar yang layak. Pelajar mesti melapor diri mengikut program yang ditawarkan serta menyerahkan surat setuju terima tawaran kemasukan sebelum memulakan pengajian di peringkat diploma. Rayuan kemasukan lewat bersebab hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran.

7. Bagaimanakah pendaftaran kursus dilaksanakan?

Pelajar mesti membuat pendaftaran kursus sebelum sesi pengajian bermula bagi setiap semester. Rayuan pendaftaran lewat bersebab hendaklah dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran.

8. Apakah ketetapan bagi menangguhkan pengajian?

Pelajar boleh diberi status penangguhan pengajian dengan kelulusan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional dan dimaklumkan kepada Kluster Pembangunan Kurikulum dan Program TVET, BPLTV. Pelajar yang boleh dipertimbangkan untuk rayuan adalah seperti berikut;

- i. Pelajar yang disahkan sakit/kemalangan oleh pegawai perubatan
- ii. Kes-kes khas memerlukan kelulusan daripada Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional

Tempoh penangguhan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional.

9. Apakah ketetapan bagi penggantungan pengajian?

Pelajar boleh digantung daripada pengajian setelah didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Kolej Vokasional dan disahkan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional. Kelulusan tempoh penggantungan adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional. Sepanjang tempoh penggantungan pelajar tidak boleh meneruskan pengajian dan tidak boleh berada di premis Kolej Vokasional tanpa sebab yang munasabah.

10. Apakah ketetapan bagi mengulang kursus (gagal)?

Pelajar dibenarkan menebus tidak lebih daripada DUA kali pada semester yang ditawarkan. Pengiraan PNGK baharu adalah berdasarkan Jam Kredit dan Nilai Mata terakhir kursus yang diulang manakala Jam Kredit serta Nilai Mata asal dimansuhkan. Pelajar yang gagal mengulang kursus layak untuk mengulang semester dan pelajar yang memperoleh Kedudukan Bersyarat (KS) layak untuk mengulang kursus dalam tempoh maksimum lima tahun pengajian bagi memenuhi syarat bergraduat.

11. Apakah ketetapan bagi pemberhentian pengajian?

Pelajar boleh diberhentikan pengajian kerana perkara-perkara berikut;

- i. Status Akademik dalam kedudukan gagal; atau
- ii. Tidak berjaya dalam permohonan rayuan meneruskan pengajian; atau
- iii. Gagal *On The Job Training* (OJT) sebanyak DUA kali; atau
- iv. Telah melebihi tempoh maksimum pengajian sesuatu program; atau
- v. Didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Kolej Vokasional.

Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional bertanggungjawab untuk mengesahkan pemberhentian pengajian pelajar. Pelajar yang diberhentikan daripada pengajian akan diberikan Surat Akuan Pengajian daripada Kolej Vokasional.

12. Bagaimana membuat rayuan meneruskan pengajian?

Pelajar yang telah diberhentikan berhak membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh pemakluman.

13. Bagaimana membuat pertukaran tempat pengajian?

Pelajar boleh memohon untuk bertukar tempat pengajian berdasarkan justifikasi yang munasabah dengan persetujuan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional dan mendapat kelulusan Pengarah BPLTV.

- i. Semua dokumen berkaitan pentaksiran dan penilaian bagi pelajar yang bertukar tempat pengajian adalah menjadi tanggungjawab kolej vokasional asal untuk menyerahkan kepada kolej vokasional baharu.
- ii. Pelajar yang bertukar tempat pengajian wajib menyelesaikan PB bagi tempoh pengajian di kolej vokasional asal terlebih dahulu.
- iii. Pelajar tidak dibenarkan bertukar selepas minggu kelapan pengajian bagi program yang sama kecuali kes-kes tertentu dan mendapat kebenaran khas daripada Pengarah BPLTV.

14. Bagaimana membuat pertukaran program pengajian?

- i. Pelajar boleh memohon pertukaran program pengajian disebabkan oleh kes-kes khas atau justifikasi yang munasabah dengan kelulusan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional.
- ii. Pertukaran program pengajian yang berbeza antara kolej vokasional perlu mendapat persetujuan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional yang dipohon dan kelulusan Pengarah BPLTV.
- iii. Pertukaran program hendaklah dibuat dalam tempoh lapan minggu pada semester satu pengajian dengan kelulusan Jawatankuasa Akademik Kolej Vokasional.